

**Muhyiddin gesa Umno amalkan kesederhanaan menjelang perhimpunan agung
Malaysian Insider
November 27, 2012
Oleh Amin Iskandar**

KUALA LUMPUR, 27 Nov — Kesederhanaan dan keadilan dikalangan pemimpin adalah kunci untuk memastikan negara dalam keadaan aman dan stabil kata Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin.

“Kita harus ingat bahawa kesanggupan untuk bekerjasama dan berkongsi kuasa dikalangan pemimpin dari berlainan komuniti sahaja tidak menjamin penerusan keamanan dan kestabilan.

“Paling penting, mereka yang berada di puncak kuasa harus memegang prinsip hormat menghormati, faham memahami dan kesederhanaan dalam menguruskan semua isu, terutamanya yang sensitif seperti kaum dan agama.

“Kesederhanaan bermaksud komitmen untuk adil dan munasabah dalam semua urusan sesama sendiri,” kata beliau dalam ucapan penutup Forum Antarabangsa Umno ke 3 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hari ini.

Beliau menekankan tentang peranan Barisan Nasional (BN) bagi memastikan keamanan dan kestabilan di Malaysia lebih daripada lima dekad di bawah pemerintahannya.

“Kami bangga dengan usaha diterajui oleh perdana menteri kita Datuk Seri Najib Razak untuk menyokong konsep kesederhanaan melalui Pergerakan Kesederhanaan Global, yang kini mendapat pengiktirafan antarabangsa,” kata Muhyiddin lagi.

Timbalan presiden Umno itu juga mengingatkan hari ini tentang peruntukan-peruntukan termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan, yang beliau katakan “bukan sahaja menjamin hak asasi dan kebebasan warga individu, tetapi juga memberikan hak-hak tertentu dan keistimewaan golongan pribumi.”

Beliau berkata walaupun orang Melayu, Bumiputera Sabah dan Sarawak dianggap sebagai pribumi atau “Bumiputera” dan diberi keistimewaan, etnik dari komuniti lain seperti Cina dan India juga dijamin mempunyai hak sebagai warganegara Malaysia.

“Perlembagaan berfungsi sebagai prinsip panduan dalam memenuhi jangkaan pelbagai masyarakat dan menyelesaikan potensi konflik,” katanya.

Muhyiddin menegaskan ini adalah cara gabungan pemerintah itu mengelakkan konflik daripada meletus pada masa lalu.

Perhimpunan Agung Tahunan Umno ke 66 akan bermula malam ini dengan majlis perasmian sekaligus untuk sayap Pemuda, Wanita dan Puteri.

Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/muhyiddin-gesa-umno-amalkan-kesed-erhanaan-menjelang-perhimpunan-agung/>